



Headline: Sindiket Macau Scam di Pulau Pinang lumpuh
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 7 June 2018

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 29

Serbuan bersama polis Malaysia-Thailand

Sindiket *Macau Scam* di Pulau Pinang lumpuh

■ BANGKOK 6 JUN

OPERASI bersama dilancarkan polis Malaysia dan Thailand di Pulau Pinang malam tadi bukan sahaja berjaya melumpuhkan sindiket *Macau Scam* didalangi rakyat Taiwan tetapi juga menemukan senarai nama pegawai berpangkat tinggi Thailand yang disyaki terlibat dengannya.

Dalam serbuan di sebuah banglo di lereng bukit, pegawai polis daripada Jabatan Siasatan Jenayah Perdagangan Malaysia dan Polis Pelancongan Thailand, mem-berkas dua rakyat Taiwan, yang menjadi dalang sindiket itu, serta 10 rakyat Thailand, terdiri daripada lima lelaki dan lima wanita.

Timbalan Ketua Polis Pelancong Thailand, Mejar Jeneral Surachet Hakpal berkata, serbuan itu juga menemukan senarai nama para pegawai berpangkat tinggi Thailand daripada Biro Pencegahan Narkotik (NSB), Pejabat

Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLO) dan mahkamah.

Beliau bagaimanapun tidak menyatakan secara terperinci hasil serbuan itu.

“Operasi bersama itu dilancarkan selepas mendapat maklumat bahawa banglo berkenaan digunakan sebagai pusat operasi sindiket penipuan antarabangsa terbabit.

“Rakyat Thailand yang diberkas itu berasal daripada wilayah Songkla dan Sukhothai, yang mendakwa mereka ditipu sindiket berkenaan supaya bekerja dengan pihaknya,” katanya.

Menurut Surachet, bulan lepas rakyat Thailand itu berjaya menipu mangsa mereka supaya memindahkan kira-kira 400,000 Baht (RM51,000) kepada sindiket terbabit.

Ujarnya, ini adalah serbuan bersama ketiga dilancarkan polis kedua-dua negara di Malaysia bagi membongkar kegiatan “Macau Scam” atau penipuan melalui

telefon melibatkan rakyat Thailand dan polis Thailand mendapat kerjasama baik daripada rakan sejawatan mereka daripada Malaysia.

“Mereka (polis Malaysia) bukan sahaja membantu kami menjejaki dan mengesan sindiket terbabit, tetapi juga membenarkan Polis Pelancong Thailand menyertai operasi bersama bagi menangkap suspek,” kata beliau.

“Serbuan bersama itu juga merampas peralatan komunikasi termasuk telefon bimbit, komputer dan buku akaun bank,” katanya.

Jelas Surachet, beliau mengesyaki sindiket itu adalah sebahagian daripada rangkaian operasi diketuai rakyat Taiwan, Chen Yuen Kai, yang ditangkap dalam operasi terdahulu tetapi berjaya melarikan diri ke sebuah negara tidak dinyatakan setelah diikat jamin.

Tambahnya, lelaki itu kini terus diburu pihak berkuasa. - BERNAMA